



Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 13 Ogos 2024

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 12 TAHUN 2024**

**PERINGATAN PELAKSANAAN TAPISAN KESELAMATAN SEMULA MELALUI
E-VETTING**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan pada 25 April 2024 telah bersetuju supaya peringatan semula berkaitan pelaksanaan Tapisan Keselamatan Semula ini dikeluarkan agar ianya dilaksanakan secara lebih menyeluruh di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan bagi tujuan mengekang berlakunya isu yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

3. Tapisan Keselamatan Semula ini dilaksanakan bagi menapis semula pegawai awam bagi menjamin kesetiaan, keutuhan dan integriti seseorang sepanjang perkhidmatannya. Dalam hal ini, Tapisan Keselamatan Semula hendaklah dijalankan ke atas semua pegawai agensi selepas lima (5) tahun keputusan tapisan keselamatan yang terdahulu dikeluarkan, tanpa gagal.

4. Melalui Kenyataan Unit Pembangunan Sumber Manusia (UPSM) Bil. 4 tahun 2023, semua **Pegawai dan Pehidmat LGM lantikan tetap dan kontrak** perlu untuk melaksanakan tapisan keselamatan semula apabila:

- a) Pegawai telah menjalani dan lulus Tapisan Keselamatan Halus atau Tapisan Keselamatan Kasar; dan
- b) Pegawai mempunyai keputusan tapisan keselamatan yang telah melebihi tempoh lima (5) tahun atau mengikut keperluan keselamatan.

5. Sehubungan dengan itu, YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan perlu membuat semakan status terlebih dahulu bagi mengetahui keputusan pengisian Tapisan Keselamatan melalui <https://evetting.cgso.gov.my/cgso/login.jsf> dan membuat Tapisan Keselamatan Semula sekiranya telah memenuhi perkara 4 (a) dan (b) di atas. **Sekiranya tempoh keputusan tidak**

melebihi lima (5) tahun, YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan **tidak perlu** untuk membuat Tapisan Keselamatan Semula ini.

6. Bersama-sama ini dilampirkan surat peringatan Pelaksanaan Permohonan Tapisan Keselamatan Semula di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, CGSO.600-2/4/45 (3) bertarikh 7 Jun 2024 dan Kenyataan UPSM Bil. 4 tahun 2023 mengenai Tapisan Keselamatan Semula kepada Pegawai Melalui E-Vetting untuk perhatian dan tindakan lanjut YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan.

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan boleh menghubungi Pentadbir Tapisan Keselamatan LGM melalui emel: rashidah@lgm.gov.my / norazimah@lgm.gov.my atau di talian 03-9206 2303/3766.

8. Segala perhatian dan kerjasama YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”


(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)